

SOALAN NO: 32

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Abdul Aziz Bin Sheikh Fadzir
[Kulim Bandar Baharu]**

TARIKH : 15 November 2017 (Rabu)

**SOALAN : Dato' Abdul Aziz Bin Sheikh Fadzir
[Kulim Bandar Baharu] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
sejauh manakah usaha Kementerian
yang telah menyatakan hasrat untuk
bekerjasama dengan Kerajaan Negeri
bagi mengusahakan tanah terbiar bagi
tujuan menghasilkan lebih banyak
produk makanan sendiri dan
berapa jumlah import makanan
yang berjaya dikurangkan oleh
Kementerian sejak tahun 2010 hingga
terkini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha menghasilkan lebih banyak produk makanan sendiri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah mula melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Terbiar sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lagi. Pelaksanaan projek ini menekankan pembangunan infrastruktur ladang dan insentif amalan teknologi dengan bantuan geran bernilai RM20,000/hektar (maksimum RM100,000 untuk 5 hektar).

Menerusi Projek Pembangunan Tanah Terbiar di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, seluas 9,562.95 hektar telah berjaya dibangunkan dengan penglibatan seramai 7,437 orang peserta. Tanah-tanah tersebut telah dibangunkan dengan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa dengan jumlah pengeluaran bernilai RM 150,451,339.57 juta.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) sebanyak RM140 juta telah diperuntukkan bagi membangunkan tanah terbiar. Sehingga 19 September 2017, seluas 11,653.28 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 502,050.79 metrik tan bernilai RM 171.6 juta dengan melibatkan 7,847 orang peserta yang mengusahakan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa.

Jabatan Pertanian Negeri Johor telah menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor di mana tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) di Kg Rokam, Buloh Kasap, Segamat seluas 54.64 hektar telah diusahakan oleh peserta kelompok. Peserta terlibat telah menerima khidmat sokongan teknikal dari Jabatan Pertanian Negeri Johor berkenaan penanaman kelapa, tembikai dan pisang.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah menawarkan tanah kerajaan negeri seluas 64 hektar di Lot 739, Mukim Jabi, Segamat bagi projek Agro Mixed Farm yang akan dilaksanakan dengan aktiviti pertanian campuran seperti tanaman, ternakan dan perikanan untuk diusahakan. Bagi tujuan ini, Jabatan Pertanian Negeri Johor terlibat dengan kerja-kerja pembangunan dan khidmat sokongan teknikal bagi tujuan penanaman durian, kelapa, limau bali, nanas dan tanaman cili secara fertigasi.

Jumlah import makanan yang berjaya dikurangkan oleh Kementerian sejak tahun 2010 hingga kini adalah beras iaitu pengurangan sebanyak 108,434 metrik tan (iaitu 822,006 mt pada tahun 2016 berbanding 930,440 mt pada tahun 2010).